

**PINDAAN KRITERIA PERMOHONAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL BERIMPAK DAN
KRITERIA TUNTUTAN BAYARAN BALIK CAJ PEMROSESAN ARTIKEL**

Pindaan Kriteria Permohonan Insentif Penerbitan Jurnal Berimpak dan Kriteria Tuntutan Bayaran Balik Caj Pemprosesan Artikel adalah seperti berikut:

1.1. KRITERIA PERMOHONAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL BERIMPAK

- 1.1.1. Bagi artikel jurnal yang melibatkan sebarang pembayaran caj pemprosesan artikel (termasuk caj penuh, sebahagian caj dan baucar diskaun), tuntutan insentif penerbitan adalah dihadkan kepada maksimum **3 artikel sahaja**. Manakala, bagi artikel jurnal yang tidak ada melibatkan sebarang pembayaran caj pemprosesan, staf perlu menunjukkan bukti bahawa tiada sebarang pembayaran caj dikenakan untuk penerbitan artikel yang dimohon insentif.
- 1.1.2. Pembayaran tuntutan insentif penerbitan kepada UTM First Author **dihentikan**. Pembayaran tuntutan insentif penerbitan hanya diberikan kepada **UTM Corresponding Author** sahaja.
- 1.1.3. Jika terdapat lebih dari satu UTM Corresponding Author, pembayaran insentif hanya diberikan kepada **First UTM Corresponding Author** sahaja.
- 1.1.4. Pembayaran tuntutan insentif penerbitan bagi penerbitan yang diterbitkan oleh **Hindawi, Frontier dan MDPI** adalah tidak dibenarkan.
- 1.1.5. Dana pengukuhan tidak dibenarkan untuk membayar Caj Pemprosesan Artikel (APC). Bagi dana-dana lain (Universiti/ kerajaan/kontrak) dibenarkan mengikut kadar yang ditetapkan.

1.2. KRITERIA TUNTUTAN BAYARAN BALIK CAJ PEMROSESAN ARTIKEL

- 1.2.1. Jenis penerbitan yang layak memohon tuntutan Caj Pemprosesan Artikel adalah artikel jurnal yang diindeks dalam **Web of Science (WOS), Scopus atau ERA**.
- 1.2.2. Tuntutan Caj Pemprosesan Artikel hanya boleh dibuat sekali bagi setiap artikel.
- 1.2.3. Artikel mesti mempunyai afiliasi "Universiti Teknologi Malaysia".
- 1.2.4. Pemohon mestilah disenaraikan sebagai penulis artikel.
- 1.2.5. Penggunaan peruntukan dana Kerajaan bagi tujuan pembayaran Caj Pemprosesan Artikel yang diterbitkan oleh Hindawi, Frontier dan MDPI adalah tidak dibenarkan.
- 1.2.6. Had bayaran Caj Pemprosesan Artikel bagi Geran Universiti adalah seperti berikut:

1.2.6.1. Quartile 1/Quartile 2: RM 4,000

1.2.6.2. Quartile 3/Quartile 4/No Quartile/Scopus/ERA: RM 1,000

1.2.7. Pembayaran Caj Pemprosesan Artikel adalah melalui proses Bayaran Balik Wang. Tuntutan akan dibayar melalui dana Geran Penyelidikan (B29000) yang diketuai oleh mana-mana penulis.

1.2.8. Deskripsi Yuran Penerbitan/Caj Pemprosesan Artikel/Yuran Jurnal/Caj Halaman mesti dinyatakan dalam kertas cadangan yang diluluskan oleh penaja.

INSENTIF PENERBITAN JURNAL BERIMPAK

Jabatan Perpustakaan UTM

Nama: Puan Norsyuhada Binti Shafie (Pustakawan, Unit Penerbitan Penyelidikan)

Email: norsyuhadashafie@utm.my

Pusat Pengurusan Penyelidikan

Nama: Dr. Ezza Syuhada Binti Sazali (Timbalan Pengarah, Bahagian Strategi & Korporat)

Email: ezzasyuhada@utm.my

TUNTUTAN BAYARAN BALIK CAJ PEMROSESAN ARTIKEL

Pusat Pengurusan Penyelidikan

Nama: Cik Nur Amirah Binti Mohd Ali (Pegawai Penyelidik, Seksyen Strategi & Universiti Penyelidikan)

Email: nuramirahma@utm.my, rusecretariat@utm.my

Pautan : <https://rnc.utm.my/download-ru/>